

## BAB 6

### KESIMPULAN

#### I

Kemalangan yang menimpa ke atas Li Dazhao dan keluarganya selepas kematian Li amatlah menyedihkan. Mayat Li dimasukkan ke dalam peti keranda yang buruk dan ditinggalkan di dalam sebuah tokong yang berhampiran.<sup>1</sup> Isteri dan anaknya yang turut ditahan hanya sedar akan kematian Li Dazhao pada hari berikutnya menerusi liputan surat khabar selepas dibebaskan. Keranda yang dipakainya terlalu buruk, namun atas sebab kesempitan wang, keranda yang sesuai hanya mampu ditukar dengan dermaan saudara dan sahabat-sahabat.<sup>2</sup>

Mayat Li Dazhao hanya dikebumikan di tanah perkuburan awam di pinggir bandar Beijing pada 22 April 1933, iaitu enam tahun selepas Li dibunuhi. Keadaan sebegitu barangkali bukan sesuatu yang aneh pada zaman yang huru-hara tersebut. Namun bagi seorang profesor ternama di Beijing, keadaannya amat memilukan. Lebih-lebih lagi disebabkan tubuh mayatnya hanya dapat dikebumikan atas dermaan sahabat-sahabatnya.

<sup>1</sup> Menurut catatan Liang Shuming, beliau telah mengunjungi kediaman keluarga Li selepas kematian Li, dan mendapati isteri Li tengah menangis sehingga asyik terbaring di atas katil. Liang meninggalkan sejumlah wang tunai lalu bergegas ke sebuah tokong yang terletaknya mayat Li Dazhao. Rupa-rupanya Liang Shuming merupakan saudara mara atau sahabat yang pertama mengunjung ke tokong tersebut, dan polis yang menjaga di situ terus menyerahkan tugas penjagaan tubuh mayat Li Dazhao itu kepada Liang. Liang mendapati keranda yang dipakai itu terlalu buruk keadaannya lalu menghubungi sahabat yang lain untuk menukar keranda tersebut. Sila rujuk Liang Shuming, "Huiyi Li Dazhao Xiansheng" (Encik Li Dazhao dalam memori), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1980), hlm 88-89.

<sup>2</sup> Berkenaan dengan kesempitan hidup yang berlaku ke atas keluarga Li Dazhao, akhbar-akhbar pada ketika turut membuat laporan yang meluas, termasuk menemuramah isterinya dan saudara maranya di Beijing. Sila rujuk *Da Gong Bao*, 1 Mei 1917; *Chen Bao*, 1 dan 2 Mei 1927, dalam *Lao Ximwen - Minguo Jiushi (1924-1927)* (Berita Uzur - Peristiwa Lama Zaman Republik {1924-1927}) (Tianjin: Tianjin Renmin Chubanshe, 1998), hlm 321-323. Turut terpapar temubual dengan pemilik kedai keranda yang menyatakan bahawa, dirinya tidak kenal dengan Li Dazhao, serta membantah Komunisme. Tetapi atas sebab menyanjung personaliti peribadi Li selepas membaca liputan-liputan akhbar, maka dia hanya menjual keranda yang bernilai 250 yuan itu dengan harga 140 yuan. Sila rujuk *Chen Bao*, 2 Mei 1927; atau penerangan pemilik kedai keranda itu sendiri, Yi Shaoshan, "Dechang Weichang he Li Dazhao" (Kedai Keranda Dechang dan Li Dazhao), dalam *Shiji Fengyun* (Pergolakan Sepanjang Abad) (Beijing: Beijing Chubanshe, 2000), hlm 107-110.

Upacara tersebut dijalankan di bawah kawalan ketat daripada pihak berkuasa.<sup>3</sup> Dalam masa sebulan selepas upacara pengebumian Li Dazhao, isterinya telah meninggal dunia.

Sepanjang hayatnya, Li Dazhao hidup dengan sederhana dan berhemat, kebanyakannya pendapatannya telah dihulurkan sebagai sumbangan untuk kegiatan parti dan dermaan amal. Sungguhpun menjadi profesor di institusi pengajian tinggi yang terkenal, beliau hanya mampu merezekikan keluarganya sekadar cukup tanpa simpanan lebihan, keluarganya pula kedana bagai selepas dibasuh berikutan pemergiannya. Keranda dan pakaian untuk pengebumiannya hanya diperoleh atas bantuan sahabat.<sup>4</sup>

Li Dazhao meninggal dunia pada usia mudanya tiga puluh lapan tahun. Walaupun usianya hanya dalam lingkungan tiga puluhan, namun atas personalitinya yang suka membantu bagaikan seorang pemimpin veteran, Li Dazhao telah menjadi seorang guru revolusi yang dihormati di depan mata para pemuda revolucioner yang rata-rata dalam lingkungan umur dua puluhan. “Mukanya bulat-bulat, dengan memakai sepasang cermin mata, serta menyimpan misai yang hitam dan tebal. … seorang yang peramah dan mudah didampingi, nadanya rendah tetapi suaranya tabah ketika bercakap.”<sup>5</sup>

Komen yang serupa sering diberikan oleh kenalan-kenalan Li Dazhao. Dari segi keperibadiannya, Li Dazhao dikatakan seorang budiman ideal yang berbudi pekerti dan bertatasusila, dalam pegangan tradisional masyarakat China. Menurut pengakuan Zhang Shenfu, beliau seorang yang berhemah tinggi tetapi merendah diri, seorang yang berhati suci di samping mempunyai sentimen revolucioner yang kuat.<sup>6</sup> Memandangkan Li Dazhao mengendalikan urusan PKC dan juga tugas GMD di utara, Zhang Shenfu melihat beliau sebagai individu yang memikul keseluruhan beban berat gerakan revolusi di wilayah utara,

<sup>3</sup> Zhang Tingqian, “Guanyu Li Dazhao Xiansheng” (Berkenaan dengan Encik Li Dazhao), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 113-115.

<sup>4</sup> Sila rujuk Wang Senran, “Li Dazhao Xiansheng pingzhuan” (Biografi kritis Encik Li Dazhao), *Jindai Ershi Jia Pingzhuan* (Biografi Kritis Duapuluh Tokoh Modern) (Beijing: Shumu Wenxian Chubanshe, 1987). hlm 302.

<sup>5</sup> Li Yunchang, “Li Dazhao tongzhi yao wo shang junxiao” (Komrad Li Dazhao mahukan saya masuki sekolah tentera), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 77.

<sup>6</sup> Zhang Shenfu, “Yi Shouchang” (Memperingati Shouchang [Li Dazhao]), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 61.

dan atas sebab itulah beliau digantung sampai mati oleh gabenor tentera Zhang Zuolin.<sup>7</sup> Pada hakikatnya, kata-kata Zhang tersebut memang menyatakan keadaan yang sebenar.<sup>8</sup>

Lu Xun (1881-1936), sasterawan paling agung dalam sejarah China moden, telah mengimbas kembali perkenalannya dengan Li Dazhao dalam mesyuarat editorial majalah *Pemuda Baru* pada tahun 1919. Beliau mengatakan bahawa tanggapan yang diberikan oleh Li Dazhao adalah sentiasa baik:

Ikhlas, peramah dan merendah diri, serta tidak banyak bercakap. Di kalangan anggota-anggota editorial majalah *Pemuda Baru* sememangnya ada yang suka bersaing dan bersengketa, serta membina kekuatan diri sendiri, tetapi Li Dazhao langsung bukan orang yang sedemikian rupa, hingga ke akhirnya.<sup>9</sup>

Atas personaliti Li Dazhao yang sedemikian, maka adalah begitu wajar sekali, Keluarga Li Dazhao telah diberi bantuan demi bantuan oleh kenalananya, mahupun yang tidak kenal, sebelum dan selepas Li Dazhao dibunuhi. Dalam situasi ini, tindakan yang dilakukan oleh Zhou Zuoren (1885-1967),<sup>10</sup> harus diberi perhatian.

Zhou Zuoren yang merupakan sahabat karib Li Dazhao dan juga guru bahasa anaknya, Li Baohua telah membantu menyorokkan anaknya ketika Li Dazhao diberkas. Demi soal

---

<sup>7</sup> Ibid..

<sup>8</sup> Scorang lagi sahabat karibnya, Liang Shuming yang tidak sehaluan dengan Li Dazhao dari segi pegangan ideologi politik, turut mengutarakan pandangan yang serupa. Dalam sepucuk surat terbuka yang membatal kepada Hu Shi, yang berkenaan dengan cadangan dan saranan Hu agar semua orang mengambil usaha untuk membincangkan masalah China, dan mengikhtiaran penyelesaiannya, Liang telah menegaskan bahawa, Li Dazhao merupakan seorang yang sudi untuk memikirkan masa depan negara dan hala tuju pembangunan yang perlu diadaptasi. Dengan itu, Li memilih untuk mempelopori gerakan Komunisme sebagai jawapannya kepada cabaran zaman, sehingga mengorbankan nyawa sendiri. Liang mengatakan bahawa dirinya tidak ada keyakinan untuk berjuang sehaluan dengan Li, dan tidak sanggup pula untuk menahananya daripada memilih jalan yang sebegini. Pada pemahaman Liang, Li Dazhao teguh dalam merealisasikan cita-cita yang difikirkan dapat membawa jalan keluar kepada pembangunan China. Sila rujuk Liang Shuming, "Jing yi qingjiao Hu Shizhi xiansheng" (Dengan hormatnya meminta tunjuk ajar daripada Encik Hu Shizhi (Hu shi)), dalam Hu Shi, *Women Zou Na Tiao Lu?* (Kami Mengikut Jalan yang mana Satu?), Koleksi Karya-karya Hu Shi ke-18 (Taipei: Yuanliu, 1986), hlm19-20.

<sup>9</sup> Lu Xun, *Lu Xun Quanji* (Koleksi Lengkap Karya-karya Lu Xun), Jilid 4 (Beijing: Beijing Renmin Wenzue Chubanshe, 1981), hlm 523. Kenangan ini ditulisnya pada akhir bulan Mei 1933, selepas pengebumian Li Dazhao, sebagai prakata untuk sebuah koleksi lengkap karya-karya Li. Namun koleksi yang diberi judul sebagai *Shouchang Quanji* tersebut hanya diterbitkan jilid pertamanya pada tahun 1939 dan dengan serta-merta telah dirampas dan diharamkan oleh pihak yang berkuasa.

<sup>10</sup> Zhou Zuoren merupakan tokoh utama dalam Gerakan Empat Mei, sebagai seorang pengkaji sastera dan sasterawan yang terkenal yang banyak menulis rencana di dalam majalah *Pemuda Baru* pada ketika itu, namun beliau telah dilihat sebagai pengkhianat bangsa dalam zaman pendudukan Jepun. Untuk penerangan komprehensif tentang riwayat hidup dan kerjayanya, sila rujuk Qian Liqun, *Zhou Zuoren Zhuan* (Biografi Zhou Zuoren) (Beijing: Beijing Shiyue Wenyi Chubanshe), 1990.

keselamatan, Zhou telah menyorok Li Baohua di tempatnya selama lebih sebulan. Selepas Li Dazhao dibunuh, Zhou telah berusaha menghantar Li Baohua ke Jepun untuk melanjutkan pelajaran.<sup>11</sup>

Zhou Zuoren dengan beberapa orang rakan Li Dazhao yang lain di Universiti Peking telah bekerjasama mengumpulkan wang untuk menyempurnakan urusan pengebumian Li, dan menghadiri upacara bertakziah awam pada 22 April 1933.<sup>12</sup> Zhou dilihat sebagai orang yang paling banyak menghulurkan bantuan kepada keluarga Li dalam suatu jangka masa yang panjang selepas pemergian Li Dazhao.<sup>13</sup> Selepas kematian isteri Li Dazhao, beliau juga banyak kali menjaga dan membantu anak-anak Li Dazhao sehingga penubuhan Republik Rakyat China dengan melalui pelbagai cara termasuk menghulurkan bantuan kewangan. Lebih penting lagi, Zhou juga merupakan salah seorang individu yang paling penting dalam menyorok dan melindungi karya-karya karangan Li Dazhao dan menerbitkan penulisan-penulisan itu ke dalam koleksi lengkap.<sup>14</sup>

Li Dazhao telah digantung mati pada 28 April 1927. Lima hari selepas Li Dazhao dibunuh, Zhou Zuoren telah menulis rencana untuk memperingati sahabatnya, dengan menyatakan bahawa, “Li mengorbankan diri demi ideologi yang dianutinya, sememangnya tidak mempunyai sebarang kekesalan, tetapi orang yang mempunyai sedikit pertalian

<sup>11</sup> Sila rujuk Zhou Zuoren, “Jian bing zhi” (Salji tebal menjelang tiba), *Zhitang Huixianglu* (Memoir Zhitang), Jilid 2 (Taipei: Longwen Chubanshe, 1989), hlm 581-584. Zhou dalam rencana memoir ini telah mengimbah kembali perkenalannya dengan Li Dazhao di sekitar tahun 1919, dengan menyifatkan bahawa, Li Dazhao seorang yang rajin, dan peramah, maka mereka sentiasa bertemu untuk berbual-bual. Tetapi selepas Li melibatkan diri dalam gerakan Komunisme, semakin jarang mereka berdua dapat bertemu bersama. Zhou berjaya untuk melindungi anak sahabat karibnya, dan beliau berasa kagum dengan ketenangan Li Baohua ketika dimaklumkan dengan berita kematian ayahandanya. Beliau masih ingat bahawa, hari itu Li Baohua turut ikut dalam satu rombongan lawatan maka terlepas daripada pemburuan di Kedutaan Soviet tersebut.

<sup>12</sup> Dalamuraian penulis biografi Zhou Zuoren berkenaan dengan kehadiran Zhou dalam upacara bertakziah awam tersebut, dikisahkan bahawa Zhou Zuoren sememangnya sedar akan upacara yang didedikasikan oleh parti komunis itu mempunyai matlamat politiknya. Namun, Zhou tetap melakukan perkara-perkara yang patut untuk menunaikan kewajipannya terhadap mendiang Li sebagai seorang sahabat. Sila rujuk Qian Liqun, *Zhou Zuoren Zhuan* (Biografi Zhou Zuoren), hlm 372-373.

<sup>13</sup> Sila rujuk Jia Zhi, “Guanyu Zhou Zuoren de yidian shiliao - ta yu Li Dazhao de yiji” (Sedikit sumber sejarah mengenai Zhou Zuoren - beliau dengan Li Dazhao sekeluarga), dalam Chen Zishan (penyunting), *Nian Hua Zhou Zuoren* (Bercakap-cakap tentang Zhou Zuoren) (Zhejiang: Zhejiang Wenyi Chubanshe, 1996), hlm 13-26.

<sup>14</sup> Ibid., hlm 16-19.

dengannya pun pasti tidak lari daripada kesedihan.<sup>15</sup> Beliau turut membidas ulasan sebuah akhbar milik Jepun yang menuduh mendiang Li Dazhao sebagai tidak pandai membawa diri, tetapi terjerumus dalam gerakan yang membawa kekacauan sehingga ditimpa pengakhiran yang tidak berbaloi tersebut. Akhbar berkenaan turut memberi amaran kepada para intelektual China supaya tidak bertindak melulu. Zhou mengkritik hebat tohmahan akhbar tersebut ke atas nama baik Li Dazhao, dengan menegakkan pengorbanan Li sebagai suatu tindakan yang dijana oleh hasrat yang suci dan bukan oleh nafsu ke atas kepentingan diri.<sup>16</sup>

Tindakan Zhou Zuoren dalam membela personaliti Li Dazhao, dengan melanggar pantangan pihak berkuasa pada ketika itu yang rata-rata diselubungi oleh persekitaran yang penuh dengan ketakutan *white terror*, telah juga memperlihatkan karakter Zhou yang mulia dengan menunjukkan kesanggupan mengambil risiko besar demi sahabatnya. Ini juga memperlihatkan personaliti Li Dazhao yang mulia sehingga membolehkan sahabat-sahabatnya yang tidak sehaluan dengan perjuangan politiknya, telah sanggup melakukan perkara-perkara yang mungkin membahayakan keselamatan diri untuk membela nama dan kebijakan Li Dazhao dan keluarganya.<sup>17</sup>

## II

Li Dazhao merupakan salah seorang intelektual yang banyak menghadapi konflik dan perubahan dalam zaman peralihan itu. Dalam dedikasi mencari pendekatan berkesan bagi

<sup>15</sup> Zhou Zuoren, "Ou gan (1)" (Perasaan tiba-tiba {1}), dalam Zhou Zuoren, *Tan Hu Ji* (Koleksi Bercakap tentang Harimau), Jilid 1 (Hong Kong: Shiyong Shuju, 1967), hlm 277.

<sup>16</sup> Sila rujuk Zhou Zuoren, "Riben ren de haoyi" (Niat baik orang Jepun), dalam Zhou Zuoren, *Tan Hu Ji* (Koleksi Bercakap tentang Harimau), Jilid 2, hlm 509-513.

<sup>17</sup> Menurut Qian Liqun bahawa, "hubungan persahabatan yang berpanjangan di antara Zhou Zuoren dan Li Dazhao, adalah berhubungan secara langsung dengan sanjungan Zhou Zuoren terhadap ilmu, etika moral dan personaliti Li Dazhao." Sila rujuk Qian Liqun, *Zhou Zuoren Lun* (Ulasan tentang Zhou Zuoren) (Shanghai: Shanghai Renmin Chubanshe, 1991), hlm 296.

menyelamatkan negara daripada keruntuhan, beliau pernah mendukung prinsip demokrasi republikan dan liberalisme. Perkembangan selepas Revolusi 1911 telah menghamparkan Li Dazhao terhadap masa depan China. Pencetusan Revolusi Rusia pada 1917 pula menarik perhatiannya ke atas Bolshevisme. Idealisme yang radikal itu telah menjuruskan beliau ke arah Marxism, sebagai jawapan untuk menyelamatkan China daripada perlumpuran mundur.<sup>18</sup> Beliau telah menempuh suatu proses mengerja, menyemak, mempraktik dan menolak secara bertubi-tubi dalam mengikhtiaran jalan keluar untuk membina semula negara China.<sup>19</sup>

Dalam membincangkan kedudukan Li Dazhao dalam sejarah PKC mengikut historiografi China moden yang juga diasaskannya, Susanne Weigelin-Schwiedrzik secara terus-terang telah bertanya: “Apakah salahnya dengan Li Dazhao?” Ini kerana Li Dazhao dilihatnya sebagai tidak diberi penghargaan yang sewajarnya di dalam PKC atas sebab-sebab yang berkaitan dengan hala tuju parti dan juga perasaan peribadi pemimpin-pemimpin parti.<sup>20</sup>

Hari ini, Li Dazhao disanjung tinggi di China sebagai pahlawan revolucioner yang paling berkewiraan. Beliau telah dilihat di bawah pandangan dan penulisan sejarah Komunis sebagai pemimpin yang sebenar dalam Gerakan Empat Mei, perintis dalam Marxism di China, dan pengasas PKC.<sup>21</sup> Tiada orang yang akan tahu tentang peranan dan sumbangan yang dapat dihulurkan oleh Li Dazhao selepas tahun 1927, sekiranya beliau tidak meninggal dunia dalam kekecohan itu. Namun, pengaruh dan sumbangan beliau tidak terbatas kepada pengasasan PKC, malah tidak terbantut berikutan pengorbanannya pada tahun 1927. Pengaruhnya terbentuk menerusi kerja-kerja konkret dalam penstrukturkan organisasi, tetapi lebih penting lagi, dengan menerusi penulisan karya-karyanya yang kaya dengan pelbagai

<sup>18</sup> Zhang Hao, “Zai lun Zhongguo gongchan zhuyi sixiang de qiyuan” (Berbincang lagi tentang asal-usul pemikiran Komunisme China), Yu Yingshi dan lain-lain, *Zhongguo Lishi Zuanxing Shiqi de Zhishi Fenzi* (Intelektual dalam Zaman Transformasi Sejarah China) (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1992), hlm 61.

<sup>19</sup> Peng Ming, *Wusi Yanjiu* (Kajian Empat Mei) (Kaifeng: Henan Daxue Chubanshe, 1994), hlm 158.

<sup>20</sup> Susanne Weigelin-Schwiedrzik telah membincangkan perkara ini secara mendalam dan terperinci di dalam rencananya, “What is wrong with Li Dazhao?” dalam Tony Saich dan Hans J. van de Ven (penyunting), *New Perspectives on the Chinese Communist Revolution* (Armonk, N. Y.: M. E. Sharpe, 1995), hlm 56-74.

<sup>21</sup> Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism* (Cambridge: Harvard University Press, 1967), hlm 263.

idea yang membina dari segi pembentukan asas doktrin Marxisme China, serta cadangan pelaksanaan Komunisme. Pengaruhnya membawa impak yang besar dengan menyemai tunas-tunas Komunisme di China, yang kemudiannya telah mengubah nasib seluruh rakyat China.

Li Dazhao telah menjadi sumber inspirasi kepada rakyat China untuk membebaskan diri daripada kancah pelbagai masalah. Kesedaran diri dipupuk menerusi karya-karya Li yang lebat. Li Dazhao mengajak golongan intelektual bercampur-gaul dengan khalayak umum, khususnya di kalangan petani di kampung untuk mengumpulkan tenaga dan kekuatan rakyat jelata demi merealisasikan cita-cita membangunkan China. Beliau telah bertindak sebagai penyedar umum dalam situasi kacau-bilau itu, demi mencari ikhtiar menyelamatkan bangsa dari tebing kemusnahan.

Li Dazhao telah dinasihati agar meninggalkan Beijing untuk mengelakkan diri daripada pemburuan pihak kerajaan. Namun, beliau telah memilih untuk meneruskan tugas revolusioner di Beijing sementara membantu dalam mengundurkan komrad- komrad revolusionernya. Selepas ditahan, beliau bukan sahaja tidak menyentuh tentang hal-hal sulit parti, malah tidak banyak bercakap tentang hal-hal rumah tangga. Di dalam penulisan terakhirnya di penjara, Li Dazhao mengulangi hasratnya tentang keazaman membebaskan bangsanya. Dengan tegas bahawa, beliau tidak ketakutan terhadap sebarang petaka yang akan dijatuhkan ke atas dirinya. Li rela untuk menanggung segala akibat yang akan menimpa di atasnya, dengan hanya dipertanggungjawabkan kepada beliau sendiri tanpa mengheret ke atas orang lain. Beliau cuma berharap agar pihak berkuasa bertindak murah hati ke atas golongan muda yang berhati patriotik.<sup>22</sup> Sifat pengorbanan *martyrdom* Li Dazhao ini telah dilihat sebagai gema ciri-ciri kepahlawanan yang ditunjukkan oleh Tan Sitong (1864-1898), salah

---

<sup>22</sup> "Yu zhong zishu" (Autobiografi dalam penjara), *LDZQJ*, hlm 719.

seorang tokoh utama dalam Gerakan Reformasi Seratus Hari 1898, yang telah dihukum mati selepas gerakan itu dipatahkan.<sup>23</sup>

Pada penghujung autobiografi tersebut, Li Dazhao menyatakan hasratnya agar buku-buku simpanannya yang banyak dapat dipelihara dengan baik sekiranya sudah dirampas. demi manfaat perkembangan budaya. Jelas kelihatan bahawa, Li Dazhao sememangnya sentiasa prihatin akan nasib dan pembangunan bangsanya, walaupun sampai ke penghujung hayatnya. Lu Xun telah menggalurkan bahawa, kegentingan runtuh maut dan kontroversi bangsa yang meruncing di China moden telah memaksa Li Dazhao tergopoh-gopoh mencari jalan menyelamatkan bangsa dan negara. Justeru itu, beliau telah menumpukan tenaga ke atas pengkajian masalah realistik dalam sosio-politik serta mempraktikkan pelaksanaannya.<sup>24</sup>

Sebaran dan penerimaan sesuatu pemikiran asing di China, memerlukan perubahan dalaman tradisi China sebagai asasnya. Pengaruh kuat yang dianakan oleh konsepsi sejarah materialistik di China, adalah disebabkan oleh konsepsi tersebut yang telah bersebat dengan konsep-konsep revolusioner yang bertunas di dalam tradisi China, dan menjelma menjadi suatu ideologi yang bertenaga.<sup>25</sup> Justeru itu, Marxisme- Leninisme yang diiktiraf oleh para intelektual China, pada hakikatnya merupakan struktur transformasi daripada tradisi China, dan ini telah menentukan hala tuju perkembangan “penChinaan” Marxisme-Leninisme dan pemikiran Mao pada kemudian harinya.

<sup>23</sup> Hao Chang, *Chinese Intellectuals in Crisis - Search for order and meaning (1890-1911)* (London: University of California Press, 1987), hlm 191. Li Dazhao telah dilihat sebagai pemuja Tan Sitong. Huo Chang menyifatkan kedudukan Tan Sitong di kalangan intelejensi awal China sebagai sama penting dengan Kang Youwei dan Liang Qichao, apabila Tan menyertai barisan reformis, yang telah menyemarakkan Gerakan Reformasi Seratus Hari 1898. Gerakan ini diakhiri dengan kegagalan dan pembunuhan para reformis yang terlibat, termasuk Tan Sitong. Beliau sebenarnya berpeluang untuk melepaskan diri daripada pemburuan, tetapi beliau enggan berbuat demikian. Pengorbanan Tan yang bersifat kepahlawanan menjadikan beliau diperingati sebagai seorang tokoh dramatik di kalangan intelektual pada zamannya, dengan meninggalkan suatu aura yang bersifat legenda di dalam memori para intelektual China moden. Untuk perbincangan lanjut mengenai Tan Sitong, sila rujuk buku yang sama, hlm 66-103.

<sup>24</sup> Lu Xun, *Lu Xun Quanji* (Koleksi Lengkap Karya-karya Lu Xun), Jilid 4, hlm 525.

<sup>25</sup> Sila rujuk Jin Guantao, “Weiwu shiguan yu Zhongguo jindai chuantong” (Konsepsi sejarah materialistik dan tradisi moden China), *Ershiyi shiji* (Dwibulan Abad Keduapuluh satu), Februari 1996 (Keluaran Ke-33).

Li Dazhao merupakan intelektual China moden yang menjadi penyumbang utama dalam pencetusan idea pemodenan China dan aktivis yang dominan dalam pembinaan konkrit sistem politik China moden, yang telah memperlihatkan satu personaliti adunan kesatuan teori dan praktik.

Sungguhpun Maurice Meisner telah menekankan adaptasi konsep kesatuan teori dan praktik sebagai suatu konsep fundamental dalam pandangan dunia Marxis oleh Karl Marx,<sup>26</sup> serta tarikannya ke atas Li Dazhao sejak peringkat awal asimilasinya terhadap doktrin Marxisme,<sup>27</sup> tetapi ini tidak bermakna bahawa adunan konsep tersebut oleh Li Dazhao diasaskan dengan anutannya ke atas Marxisme. Seperti yang dibincangkan di dalam bab yang sebelumnya, personaliti Li Dazhao ini adalah dijana oleh komitmen intelektual tradisional China yang telah dijadikan sebagai prasyarat bagi penilaian ke atas salsiah peribadi seseorang individu, khususnya bagi golongan intelektual. Barangkali persamaan komitmen ini telah mengakrabkan Li Dazhao dengan adaptasi doktrin Marxisme.

Daripada huraian tentang penilaian personaliti Li Dazhao oleh kenalan-kenalan Li yang dibincangkan di bahagian awal bab ini, dapat diperhatikan bahawa kesejadian hasrat diri Li Dazhao untuk membawa reformasi kepada masyarakat China adalah berkekalan dengan hati yang tulus ikhlas sejak zaman mudanya hingga ke akhir hayatnya. Walaupun pendekatan yang diambil oleh Li Dazhao telah diubahsuai dari semasa ke semasa, namun cita-cita tersebut tidak pernah terpendam, dan hasrat yang sejati itu tidak pernah berubah-ubah sepanjang hayatnya. Ketabahan Li Dazhao untuk memperjuangkan misi pembaharuan negara sehingga tergadainya nyawa, turut meninggalkan suatu aura kepahlawanan yang mirip dengan situasi Tan Sitong.

---

<sup>26</sup> Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 197.

<sup>27</sup> Ibid., hlm 198.

Li Dazhao, seperti tokoh-tokoh China moden yang lain, mempunyai personaliti dan perkembangan intelektual yang kompleks. Beliau menjalankan kegiatan ilmiah yang pelbagai sebagai seorang profesor yang disukai ramai, di samping mempunyai minat yang mendalam terhadap kegiatan politik. Dari segi politik, beliau melihat kebebasan peribadi, khususnya kebebasan fikiran sebagai syarat utama dalam liberalisasi individu. Bertolak daripada seorang yang menyanjung tinggi demokrasi republikan berparlimen yang menyokong reformasi secara beransur-ansur, Li Dazhao bertukar menjadi seorang penganut Marxism-Leninisme yang radikal, yang percaya bahawa hanya gerakan revolusi Komunisme yang akan membawa hidup baru kepada masyarakat China secara menyeluruh dari atasnya.

Penglibatan Li Dazhao dalam politik adalah begitu mendalam sehingga terkorbannya nyawa demi perjuangan politiknya, dan sehingga mengkaburkan pencapaianannya dalam bidang akademik. Namun, sememangnya benar bagi Li Dazhao, bahawa kegiatan akademik mahupun tindakan penulisan artikel itu sendiri adalah suatu pendekatan yang diadaptasi untuk merealisasikan impian dan cita-cita politiknya.

Seperti yang diulang berkali-kali oleh Maurice Meisner dan sarjana-sarjana yang lain dalam penulisan-penulisan mereka yang bersifainan, Li Dazhao bukan sahaja Marxis yang pertama di China, tetapi juga sejarawan Marxis yang pertama di China. Sepanjang kerjayanya yang berkenaan dengan gerakan politik dan revolusi, beliau tidak bertindak sebagai seorang ahli revolucioner yang profesional, tetapi beliau seorang sejarawan yang profesional dengan perjawatannya sebagai profesor sejarah di universiti-universiti. Sungguhpun sudah munculnya kajian-kajian yang meninjau kerjaya dan pencapaian Li Dazhao dalam bidang akademik di China moden,<sup>28</sup> tetapi beliau masih tidak dapat diiktiraf sebagai sarjana terulung di China, sama ada sepanjang kurun keduapuluh, mahupun dikhurasukan pada era Gerakan Empat Mei. Memang tidak dapat dinafikan bahawa, Li Dazhao telah muncul sebagai

<sup>28</sup> Antaranya, Wu Hanquan, *Li Dazhao yu Zhongguo Xiadai Xueshu* (Li Dazhao dan Akademik Modern China) (Shijiazhuang: Hebei Jiaoyu Chubanshe, 2002). Kajian ini telah menjalankan penyelidikan yang menyeluruh ke atas kegiatan akademik Li Dazhao dan impaknya di dalam bidang-bidang falsafah, sejarah, sastera, politik, ekonomi, perundangan, sosiologi dan sebagainya.

pengasas dalam historiografi Marxis China moden, namun seperti yang diketengahkan oleh Meisner, tujuan Li untuk mempopularkan konsepsi sejarah materialistik bukan demi menyenaraikan formula-formula yang terkenal itu, tetapi dengan matlamat mencari sandaran kepada keperluan-keperluan aktivistik politiknya dan interpretasinya ke atas teori Marxis.<sup>29</sup>

Ilmu merupakan nadi kepada segala bentuk perlakuan dan pemikiran manusia. Menerusi perlakuan dan pemikiran pula, kita dapat melakarkan suatu gambaran yang jelas tentang susur galur kemunculan Li Dazhao sebagai seorang intelektual yang bertungkus-lumus untuk menyelamatkan negaranya yang penuh dengan kesengsaraan. Beliau cuba mengadaptasi pendekatan reformatif secara beransur-ansur untuk memodenkan China dan membebaskan bangsanya daripada belenggu kemunduran. Namun, perkembangan yang seakan-akan ditakdirkan tidak memberi laluan mudah kepada para reformis untuk menyelamatkan China daripada kancang kekangan tradisional. Suatu kecenderungan radikalasi telah muncul bukan sahaja pada perkembangan dalam Li Dazhao, tetapi juga dalam perkembangan sejarah intelektual China moden. Revolusi demi revolusi pula dilancarkan sebagai tanda kemuncak dalam proses radikalasi tersebut. Marxisme ala Bolshevik telah dipilih oleh Li Dazhao dan pengikut-pengikutnya sebagai suatu pendekatan revolusi sosio-politik dan instrumen analisis masyarakat yang berkesan.

Perkembangan sosio-politik China selepas kematian Li Dazhao, seakan-akan berjalan mengikut pendekatan revolucioner yang dicadangkan olehnya. Pengamatan dan analisis Li Dazhao terhadap kecenderungan dan keperluan masyarakat kelihatan lebih relevan dengan tuntutan zaman. Kaedah penyelesaian masalah secara fundamental yang disyorkan oleh Li Dazhao semakin mendapat tempat, baik di kalangan revolucionaris mahupun golongan awam. Sementara idea-idea liberalisme yang didukung oleh Hu Shi di dalam perdebatan “masalah dan *isme*” tidak diberi perhatian yang setimpal. Namun, sekiranya dibandingkan dengan perkembangan yang porak-peranda di tanah besar China pada separuh pertengahan yang

---

<sup>29</sup> Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 156.

kedua dalam kurun keduapuluhan, pandangan Hu Shi terhadap perkembangan politik, khususnya amalan demokrasi dan liberalisme di dalam perkembangan politik China semakin memperlihatkan nilai-nilai humanisme yang kekal abadi.

Plot-plot perkembangan intelektual dan kerjaya modenisasi Li Dazhao dapat disusuli secara kronologi dengan jelas pada tahap permulaan sehingga klimaksnya. Namun, perkembangan seterusnya tidak mengizinkan Li Dazhao untuk menyelesaikan konflik dan masalah yang timbul. Kematian Li Dazhao secara tiba-tiba memang telah banyak meninggalkan kesangsian dalam sejarah dan pelbagai masalah modenisasi China yang belum sempat diselesaikan. Peleraian kerjaya modenisasi oleh Li Dazhao telah diakhiri dengan kesudahan yang banyak membawa kepada kekesalan.

Li Dazhao tidak berpeluang untuk melihat dengan mata kasar sendiri kejayaan yang dicapai oleh parti yang diasaskannya, dengan ideologi yang dipelopori dalam “meliberalisasikan” rakyat serumpun sebangsanya, dengan kekuatan dinamik revolusioner yang dipupuk olehnya. Beliau juga tidak berkesempatan untuk melihat dengan mata kasar sendiri kekacauan dan pengorbanan nyawa yang dibawa oleh rejim pemerintahan yang barangkali sudah terpesona daripada doktrin-doktrin yang diinisiatifkan olehnya.

Inilah batasan yang ada pada Li Dazhao dan kebuntuan yang ditemui dalam menilai peranan dan sumbangannya di dalam proses modenisasi China. Konsistensi Li Dazhao dalam mengaplikasikan pendekatan Marxis-Leninis yang revolusioner untuk membebaskan dan memodenkan China tidak dapat ditinjau dan diberi penilaian yang lebih terperinci memandangkan jangka hayat hidupnya yang begitu pendek. Fahaman dan strategi Marxis-Leninis barangkali suatu pendekatan revolusioner yang berkesan, tetapi adakah ianya suatu panduan pemerintahan dan pengelolaan negara yang munasabah? Jawapannya tidak dapat diperoleh secara langsung daripada pelaksanaan doktrin tersebut oleh Li Dazhao. Barangkali Li Dazhao akan mengubahsuai pegangan dan strategi yang diadaptasi untuk tujuan pemodenan China, sekiranya beliau mendapat pendekatan tersebut akan

mengorbankan nyawa yang tidak terhitung jumlahnya dan membawa kepada pemerintahan autoritarian yang diktatorial.

Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan nasib rakan-rakan pengasas parti yang lain, seperti Chen Duxiu yang dilihat sebagai pembidaah ideologi dan pengkhianat politik dengan tuduhan “opportunisme sayap kanan”, dan Zhang Guotao yang turut dilihat sebagai pembelot parti, yang masing-masing telah dimasukkan ke dalam penjara dan melarikan diri dari tanahair, Li Dazhao kelihatan seolah-olah lebih bernasib baik. Pendiriannya yang menekankan liberalisasi orang ramai berdasarkan pandangan yang berunsur humanisme tidak akan diterima oleh pemerintah diktator.

Li Dazhao merupakan satu-satunya pengasas parti yang diberi penghormatan menurut historiografi China. Nama baiknya dapat terlepas daripada dicemari oleh tindakan-tindakan PKC yang membawa mala petaka kepada rakyat China, terutamanya dalam era 1960-an. Kecenderungan *martyrdom* yang dibawa oleh Li Dazhao sehingga beliau rela untuk mengorbankan nyawa atas matlamat revolusi dan modenisasi China telah menyumbang kepada pengakhirannya yang sedemikian rupa.

Inilah paradoks yang tercermin dalam sejarah China moden. Walau bagaimanapun, Li Dazhao barangkali tidak mempedulikan kedudukan sejarah yang dilabelkan ke atas dirinya. Beliau berkeyakinan bahawa, pembacaan dan pengajian sejarah itu akan memberangsangkan kepekaan dan keprihatinan kita terhadap kehendak sosial, dan menjanakan daya penggerak agar kita mengorbankan diri demi kepentingan masyarakat, setelah mengenali tokoh-tokoh sejarah yang penuh dengan semangat kepahlawanan. Ini kerana Li Dazhao percaya bahawa:

“Di dalam sejarah, terteranya hidup kita, terteranya dunia kita, dan diri kita sendiri.”<sup>30</sup>

---

<sup>30</sup> “Shixue yaolun” (Teori-teori penting dalam pengajian sejarah), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 410.